

Orang Melayu mesti gandakan usaha perbaiki taraf hidup: Dr M

BH 30 JUN 2001

BUTTERWORTH, Jumaat – Orang Melayu perlu mengandakan usaha bagi meningkatkan taraf hidup mereka yang masih jauh ketinggalan, berbanding kaum lain di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sasaran mencapai 30 peratus agihan kekayaan seperti yang ditetapkan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) masih jauh dan lebih banyak usaha perlu dilakukan bagi mencapainya.

“Walaupun kita sudah capai kemajuan boleh dibanggakan, kita perlu buat banyak lagi bagi mengatasi kemiskinan di kalangan orang Melayu,” katanya pada sidang akhbar selepas mengakhiri lawatan kerja dua hari ke Pulau Pinang di Politeknik Seberang Prai, dekat sini, petang ini.

Terdahulu, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno mengadakan perjumpaan dan dialog dengan pemimpin serta ahli Umno Bahagian Bukit Mertajam dan Permatang Pauh di Dewan PSP, di sini. Beliau kemudian menghadiri jamuan teh bersama rakyat di tempat yang sama.

Pada sebelah pagi, Perdana Menteri, mengadakan perjumpaan dan dialog dengan pemimpin Umno Bahagian Bayan Baru dan Balik Pulau di Kompleks Sukan Balik Pulau serta menghadiri Majlis Mesra Perdana bersama Perdana Menteri, di tempat sama.

Dr Mahathir berkata, selain berjuang untuk kemajuan, ahli Umno perlu juga berjuang untuk agama, terutama apabila parti lawan didapati sering menggunakan agama untuk kepentingan mereka.

Ditanya hasil lawatan ke Pulau Pinang, terutama pertemuannya dengan pemimpin serta penyokong

Barisan Nasional (BN), Perdana Menteri, berkata beliau melihat wujudnya komitmen tinggi di kalangan ahli terhadap BN.

“Daripada sambutan dan kehadiran dalam perjumpaan yang diadakan, saya melihat ia sebagai petanda baik untuk masa depan Umno dan BN,” katanya sambil melahirkan keyakinan minat yang tinggi di kalangan ahli untuk meneruskan perjuangan Umno dan BN cukup kuat.

Mengenai Umno Bahagian Permatang Pauh, katanya, beliau melihat wujudnya komitmen tinggi di kalangan ahli Umno di kawasan berkenaan selepas mereka mendapat penjelasan secukupnya (berhubung isu Datuk Seri Anwar Ibrahim) berbanding sebelum pilihan raya umum lalu.

“Saya puas hati dengan sambutan dalam perjumpaan ini dan kebanyakan ahli Permatang Pauh lebih komited. Saya yakin sikap mereka sudah berubah dengan cara mereka datang (menghadiri perjumpaan), betapa mereka sudah berubah fikiran selepas penjelasan yang dibuat berbanding sebelum pilihan raya 1999.

“Mesej saya kepada pemimpin Umno bahagian berkenaan ialah mereka perlu mengetepikan sebarang perbezaan ketika pemilihan Umno baru-baru ini dan meneruskan perjuangan parti untuk mencapai matlamat membangunkan bangsa, agama dan tanah air,” katanya.

Sementara itu, ketika melancarkan Bilik Gerakan Pilihan Raya Pemuda Umno Cawangan Kampung Pertama, Permatang Pauh, dekat sini, sebelum itu, Dr Mahathir menerima borang permohonan keahlian 291 pemuda kawasan itu untuk menganggotai Umno.